

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 02 JUN 2016

## Tiada peluang kedua: MBSA

SHAH ALAM – Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengingatkan peniaga bazar Ramadan supaya tidak menjual permit diperoleh mereka kepada pihak ketiga.

Datuk Bandar MBSA, Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, pihaknya tidak teragak-agak untuk membatalkan lesen dan menyenaraihitamkan nama mana-mana individu yang didapati melakukan perkara berkenaan.

Katanya, MBSA juga tidak akan memberi peluang kedua kepada pemilik permit



AHMAD ZAHARIN

kerana pelaksanaan tersebut adalah kesalahan serius.

"Pada tahun ini, kita belum kenal pasti ada individu tertentu yang melakukan kesalahan tersebut dan aduan daripada orang ramai juga masih belum diterima.

"Saya jangka aduan mengenai perkara ini mungkin akan diterima menjelang Ramadan nanti," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, kira-kira satu peratus daripada jumlah pemilik lesen bazar Ramadan didapati melakukan kesalahan berkenaan pada tahun lalu.

Sinar Harian